

Pengauditan merangkumi syarikat kerajaan Persekutuan, negeri, badan berkanun

## 241 syor dikemuka laporan audit



AMBRIN

KUALA LUMPUR - Sebanyak 241 syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 bagi membantu kerajaan Persekutuan, badan berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri membuat penambahbaikan dan memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan 90 syor kepada kerajaan Persekutuan, 56 syor kepada badan berka-



nun Persekutuan dan 95 syor kepada kerajaan negeri.

"Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil, alam sekitar dan pengurusan syarikat," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 dibentangkan di Parlimen semalam selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Menurut Ambrin, dalam Laporan

Siri 2 itu, sebanyak 57 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dilaksanakan di peringkat Persekutuan, negeri dan badan berkanun Persekutuan.

Kandungan dan sinopsis Laporan Siri 2 berkenaan boleh dilayari dalam laman web Jabatan Audit Negara di <http://www.audit.gov.my> mulai se-

malam.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 April lalu. - Bernama

## PAC panggil empat kementerian beri penjelasan

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan memanggil empat kementerian dan beberapa agensi kerajaan bagi memberi penjelasan berhubung pelbagai isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, kementerian itu ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan.

Katanya, PAC juga akan me-

manggil 16 jabatan kerajaan Pusat, 10 badan berkanun dan 31 jabatan kerajaan negeri untuk tampil memberi penjelasan berhubung laporan itu.

"Proses prosiding untuk Laporan AG (Ketua Audit Negara) 2014 Siri 2 akan bermulai September ini," katanya pada sidang akhbar selepas memperkenasikan mesyuarat PAC di Parlimen semalam.

Menurut Nur Jazlan, antara



NUR JAZLAN

isu perlu diberi penjelasan oleh MOA termasuklah projek Pereplikasian Model (i-ZAQ) Akuakultur Bersepadu yang gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

Katanya, isu berkaitan dengan Kementerian Pendidikan pula melibatkan kegalan pentadbiran kerwangan oleh tiga universiti awam yang diberi autoriti penuh membabitkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti

Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia.

"Selain itu, pengurusan penyenggaraan kapal di Sabah oleh Maritim Malaysia di bawah JPM dan pengurusan rangkaian Hotel Seri Malaysia (Kementerian Kewangan) yang didapati mempunyai pelbagai masalah pengurusan turut terlibat."

"Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan turut dipanggil bagi memberi penjelasan mengenai kuitan hasil daripada syarikat-syarikat yang disiasat akibat pelbagai masalah berkaitan," ujarnya. - Bernama